

TEKS UCAPTAMA

**DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN
PUSAT KONVENTSYEN CIDB SARAWAK**

PADA 27 APRIL 2018 (JUMAAT)

DI KOMPLEKS CIDB SARAWAK, KUCHING

**Assalamualaikum Warrahmatullah Hiwabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita sama-sama berkumpul di dalam Dewan yang serba indah ini, sempena Majlis Perasmian Pusat Konvensyen CIDB Sarawak atau CCCS pada hari ini.
2. Syabas saya ucapkan kepada CIDB Malaysia kerana telah berjaya menyempurnakan pembinaan Fasa 1 Kompleks CIDB Sarawak yang meliputi Pusat Konvensyen, bangunan asrama dan kemudahan-kemudahan riadah dan sukan yang bernilai RM30 juta.
3. Saya amat mengalu-alukan perancangan CIDB dalam memperkembangkan lagi fasiliti di dalam Kompleks ini. Dengan adanya kemudahan asrama yang lebih luas dan selesa, serta bengkel-bengkel latihan yang akan ditambah baik dan diperluaskan di dalam fasa seterusnya, lebih ramai lagi anak-anak sarawak yang dapat menikmati latihan kemahiran di ABM ini.

Senario Kepentingan Latihan Teknikal Dan Vokasional Di Dalam Negara

Para hadirin sekalian,

4. Izinkan saya mengambil peluang ini untuk menyentuh tentang kepentingan Latihan Teknikal Dan Vokasional di negara ini. Kita semua sedia maklum bahawa bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dikenalpasti sebagai salah satu teras utama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) iaitu **“Meningkatkan Pembangunan Modal Insan untuk Negara Maju”**. RMK-11 yang meliputi tempoh 2016-2020 ini merupakan pelonjak akhir sebelum kita memasuki gelanggang negara maju.

5. Adalah dianggarkan sebanyak 60% daripada 1.5 juta pekerjaan yang ditawarkan di dalam tempoh RMK-11 memerlukan sijil-sijil latihan kemahiran. Di negara-negara maju seperti Australia, Finland dan Norway, kelulusan di dalam bidang TVET dilihat sebagai sesuatu pencapaian yang berprestij. Ini kerana negara-negara tersebut mengiktiraf mereka yang lebih cekap menggunakan tangan dan tenaga sebagai setaraf

dengan mereka yang cemerlang di dalam bidang akademik.

6. Jika kita melihat di negara kita sendiri, bidang kemahiran di dalam industri pembinaan khususnya, mempunyai permintaan yang tinggi dari industri dan ia menawarkan pendapatan lumayan, setanding dengan mereka yang mempunyai kelulusan ijazah.

Peranan CIDB di dalam pembangunan Personnel Binaan

7. CIDB sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Kerja Raya, telah meletakkan kepentingan yang tinggi kepada pembangunan tenaga kerja mahir di dalam industri pembinaan. Malah CIDB telah memperuntukkan perbelanjaan yang paling tinggi setiap tahun untuk program pembangunan personnel binaan dan belia di Akademi Binaan Malaysia, berbanding dengan program lain.
8. Dari awal penubuhan ABM pada 1997 sehingga kini, CIDB telah membelanjakan lebih daripada RM646 juta untuk memberi latihan kepada belia dan personnel

binaan, di dalam lebih daripada 40 bidang kemahiran pembinaan. Pada tahun 2017, hampir RM52 juta dibelanjakan untuk tujuan ini berbanding RM32 juta pada tahun sebelumnya, iaitu satu peningkatan yang tinggi.

9. Sejak tahun 2015, CIDB telah mengubah pendekatan latihan di ABM bagi memberi tumpuan kepada latihan di dalam bidang kemahiran yang berimpak tinggi. Bidang-bidang berimpak tinggi ini merupakan bidang yang mempunyai permintaan tinggi di dalam industri, menawarkan pendapatan yang lebih lumayan dan berpotensi menarik minat lebih ramai belia tempatan untuk menceburi kerjaya di dalam industri pembinaan.
10. Sepuluh jenis bidang kemahiran berimpak tinggi yang ditawarkan di ABM adalah:
 - a. Scaffolding Erection
 - b. Welding 3G & 6G
 - c. Wireman PW1, PW2, PW3 & PW4
 - d. Chargeman A0, A1, B0, B1 & B4)
 - e. Gas Pipe Fitting (Fitting/Insulation)
 - f. Blasting & Painting
 - g. Non Destructive Testing (NDT)

- h. Crane Operation
 - i. Plant Operation
 - j. Plumbing
11. Daripada tahun 1997 sehingga kini, lebih daripada 377,000 belia dan personnel binaan telah menerima latihan di ABM di dalam pelbagai bidang kemahiran pembinaan. Selain itu ABM juga bekerjasama rapat dengan lebih daripada 100 rakan industri bagi menawarkan latihan-latihan yang relevan kepada keperluan industri dan juga menempatkan peserta yang telah tamat latihan untuk menjalankan latihan praktikal di dalam syarikat-syarikat industri pembinaan yang sesuai.
12. Di Sarawak, lebih daripada 37 ribu belia dan personnel binaan telah dilatih di ABM sejak tahun 2010. Saya difahamkan, ABM Sarawak ini dikenali sebagai pusat latihan yang mempunyai pengkhususan kepakaran di dalam Latihan Pengendalian Jentera Berat (Heavy Machinery Operations) yang sangat tinggi permintaannya di dalam industri. Oleh yang demikian, fasiliti latihan di ABM Sarawak ini juga cukup lengkap dengan pelbagai jentera berat yang sering digunakan di

dalam industri pembinaan seperti Excavator, backhoe, wheeloader, forklift, mobile crane dan crawler crane. Selain itu, terdapat 20 unit *software crane simulator* dan 5 unit *machine simulator* bagi membantu pelatih membiasakan diri dengan pengendalian jentera, sebelum mereka mengoperasi jentera yang betul.

CITP- Teras Strategik Produktiviti

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,,

13. Pembangunan personnel binaan ini merupakan salah satu inisiatif penting di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), menerusi teras strategik produktiviti. Ini selaras dengan keperluan pembangunan negara yang telah dikenal pasti di dalam perancangan RMK-11 di mana peningkatan kemahiran tenaga kerja adalah kritikal bagi memastikan negara dapat meningkatkan kadar produktiviti.

14. CITP telah meletakkan sasaran untuk meningkatkan kadar produktiviti industri pembinaan sebanyak 2.5 kali ganda kepada RM62,000 perkapita pekerja menjelang 2020, berbanding kadar produktiviti sebanyak RM22,464 pada tahun 2011. Mengikut Laporan

Produktiviti Malaysia keluaran Malaysia Productivity Corporation (MPC), pada tahun 2017, industri pembinaan telahpun mencapai kadar produktiviti sebanyak RM40,105 perkapita pekerja. Ini adalah satu pencapaian yang memberangsangkan dan saya percaya dengan kerjasama semua pihak, kita pasti akan dapat mencapai kadar produktiviti yang disasarkan di dalam CITP.

Para hadirin sekalian,

15. Di dalam usaha mengukuhkan dan mempertingkatkan lagi latihan kemahiran yang ditawarkan di ABM, CIDB telah memulakan program Perantisan atau apprenticeship bagi meletakkan pelatih-pelatih yang telah tamat latihan di dalam syarikat-syarikat pembinaan untuk membolehkan mereka mendapat pengalaman bekerja di dalam industri. Ini akan meningkatkan kemahiran serta keyakinan diri pelatih sebagai persiapan untuk menceburi kerjaya di dalam industri pembinaan.
16. Sejak Program Perantisan ini dilancarkan pada tahun 2016, CIDB telah membelanjakan lebih RM6.3 juta

untuk membiayai seramai 1,800 personnel binaan di dalam program ini. Program Perantisan ini telah dilaksanakan dengan kerjasama organisasi seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), MRT Corporation, MMC-Gamuda, PETRONAS Chemicals Groups serta Lendlease.

17. Saya berharap, program latihan kemahiran yang dilaksanakan oleh CIDB ini akan terus dipertingkatkan bagi membuka peluang kepada para belia di negara kita dan di Sarawak ini khasnya supaya terus aktif menyumbangkan daya usaha dan kemahiran di dalam industri pembinaan.
18. Hari ini kita melihat Pusat Konvensyen CIDB yang tersergam indah dengan fasiliti yang terbaik disediakan untuk kemudahan CIDB, ABM dan juga penggiat industri. Model pembangunan sebuah Kompleks yang lengkap ini juga harus dilaksanakan untuk setiap ABM di seluruh negara. Fasiliti serta kemudahan yang disediakan di ABM ini sememangnya mencerminkan betapa pentingnya pembangunan Kompetensi Kemahiran di dalam Pembinaan ini kepada kita.

Dengan kemudahan yang cantik, moden dan lengkap, ia pasti akan meningkatkan lagi imej Kementerian Kerja Raya dan CIDB sebagai peneraju industri pembinaan negara. Saya juga berharap fasa pembangunan seterusnya bagi Kompleks CIDB ini akan melengkapkan lagi keperluan latihan yang diperlukan di ABM Sarawak dan seterusnya meletakkan ABM sebagai pusat latihan kemahiran yang berprestij dan bertaraf dunia di masa hadapan.

19. Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya dengan ini merasmikan pembukaan Pusat Konvensyen CIDB Sarawak.

Sekian, terima kasih.

Wabilahitaufik walhidayahh wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.